



Ruj.Kami: KPT(JPS)100-4 (4)
Tarikh: 30 November 2005



Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Datin/Profesor/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN, SEKTOR PENGURUSAN INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI SWASTA, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BIL. 1/2005**
Pemberitahuan Berhubung Pindaan Dasar Bagi Penawaran Kursus Pengajian Secara
Program 3+0/4+0 dengan Institusi Pendidikan Tinggi Luar Negara

Surat Pekeliling ini di keluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan tentang pindaan
dasar berkaitan penawaran kursus pengajian secara Program 3+0/4+0 dengan IPT luar
negara.

2. Bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat
kecemerlangan pendidikan serantau, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil
keputusan untuk meminda dasar berhubung dengan penawaran kursus pengajian
secara Program 3+0/4+0 dengan IPT luar negara berkuat kuasa mulai 01 Januari 2006.

3. Sehubungan dengan itu, IPTS yang layak dan berkemampuan dibenarkan untuk
mengendalikan kursus pengajian secara Program 3+0/4+0 dengan IPT luar negara
secara automatik tanpa perlu menawarkan Program 2+1/1+2/2+2/3+1 terlebih
dahulu selama 3 tahun dengan mematuhi syarat-syarat berikut:-

- 3.1 Kurikulum yang di guna pakai bagi Program 3+0/4+0 hendaklah
kurikulum asal sepenuhnya mulai Tahun 1 hingga Tahun 3/Tahun 4
seperti yang ditawarkan di universiti induk.
- 3.2 IPTS tempatan hendaklah mempunyai kemampuan dari segi tenaga
pengajar yang mencukupi dan berkelayakan setara dengan tenaga
pengajar di universiti induk.
- 3.3 IPTS tempatan hendaklah mempunyai kemampuan dari segi kewangan
bagi membolehkan perjanjian kerjasama ini diteruskan untuk jangka
masa yang panjang.
- 3.4 IPTS hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan pengajaran dan
pembelajaran yang setara kualitinya dengan universiti induk bagi
semua Program 3+0/4+0 yang ditawarkan.


- 3.5 Kursus-kursus yang dijalankan secara Program 3+0/4+0 dengan rakan universiti luar negara hendaklah mematuhi semua keperluan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 (Akta 556) serta diwajibkan untuk mendapat kelulusan perakuan Akreditasi daripada LAN.
- 3.6 Syarat-syarat lain yang dikenakan oleh Badan Profesional tempatan juga hendaklah dipatuhi sekiranya menawarkan program professional.
- 3.7 Hanya universiti luar negara yang ternama dan mempunyai rating/ranking yang tinggi sahaja dibenarkan menjalinkan kerjasama akademik dengan IPTS tempatan yang memohon untuk mendapatkan kelulusan pengendalian kursus secara Program 3+0/4+0. IPTS adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak LAN berhubung dengan rating/ranking rakan kerjasama universiti luar negara tersebut berdasarkan kedudukan di negara asal atau di peringkat global atau berdasarkan kursus atau lain-lain kateria yang berkaitan dan bersesuaian.
- 3.8 Universiti induk di luar negara hendaklah mengemukakan dokumen penilaian validasi (*Validation Report*) bagi program yang dijalankan dengan IPTS tempatan apabila mengemukakan permohonan pengendalian kursus kepada LAN . Satu salinan *Memorandum of Agreement (MOA)* antara kedua-dua pihak hendaklah juga dikemukakan kepada Sektor Pengurusan IPTS dan Lembaga Akreditasi Negara (LAN).
- 3.9 Kursus pengajian yang dijalankan secara Program 3+0/4+0 hendaklah meliputi bidang-bidang baru atau bidang sedia ada yang *market driven* dan diperlukan dalam pembangunan guna tenaga negara.

4. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01 JANUARI 2006.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“SEKTOR PENGURUSAN IPTS PENJANA PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA”



(PROF. DR MAHANI BT ZAINAL ABIDIN)
Timbalan Ketua Pengarah,
Sektor Pengurusan IPTS,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

- s.k
1. Y.B. Dato' Sri Dr. Hj. Shafie bin Hj. Mohd. Salleh
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.
 2. Y.B. Dato' Fu Ah Kiow
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
 3. Y.B. Datuk Dr Adham Bin Baba
Setiausaha Parlimen
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
 4. YBhg. Dato' Prof. Dr Hassan Bin Said,
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengurusan IPT,
Kementerian Pengajian Tinggi.
 5. YBhg. Dato' Dr Mohd. Yahya Bin Nordin,
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 6. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 7. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 8. Setiausaha Bahagian,
Bahagian Penyelarasan Dasar,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 9. Ketua Eksekutif
Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
 10. Ketua Eksekutif,
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN).
 11. Penasihat Undang-Undang.
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
 12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 13. Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)
YB Menteri Pengajian Tinggi .